

KASTAM KUTIP HASIL RM76 BILION PADA 2025 LEPAS UNJURAN MOF

Suharmin Yusuf
suharmin.yusuf@hmetro.com.my

Putrajaya

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merekodkan kutipan hasil berjumlah RM76.18 bilion bagi tahun 2025, sekali gus melepasi unjuran awal Kementerian Kewangan (MOF) sebanyak RM67.25 bilion dengan lebih RM8.93 bilion atau 113.28 peratus.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, kutipan berkenaan turut melepasi unjuran hasil semakan semula tahun 2025 yang ditetapkan pada RM73.26 bilion, menjadikan pencapaian hasil JKDM bagi tahun 2025 sebagai yang tertinggi bagi tempoh 2022 hingga 2025.

"Seperti yang saya nyatakan melalui siaran me-

dia pada 17 Disember lalu, JKDM berjaya mencatatkan prestasi cemerlang dalam kutipan hasil iaitu sebanyak RM73.27 bilion melepasi unjuran hasil yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan sebanyak dua kali iaitu, RM67.25 bilion dan RM73.26 bilion.

"Unjuran hasil awal tahun 2025 ditetapkan sebanyak RM67.25 bilion.

"Unjuran hasil berkenaan kemudiannya telah disemak semula kepada RM73.26 bilion pada 10 Oktober 2025 melalui Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan, Belanjawan 2026," katanya kepada pemberita pada sidang media di Ibu Pejabat JKDM di sini, semalam.

Anis berkata, kutipan hasil 2025 itu merekodkan lebih sebanyak RM8.93 bilion berbanding unjuran awal tahun, dengan peratus pencapaian mencecah

113.28 peratus.

Katanya, sebagai perbandingan, kutipan hasil JKDM pada tahun 2024 berjumlah RM65.57 bilion sebelum meningkat kepada RM76.18 bilion pada tahun 2025.

"Peningkatan ini mencatatkan tambahan kutipan hasil sebanyak RM10.61 bilion, bersamaan dengan kenaikan sebanyak 16.18 peratus.

"Seiring dengan peningkatan ketara yang direkodkan pada tahun 2025, prestasi kutipan hasil JKDM secara keseluruhannya memperlihatkan trend peningkatan yang konsisten dan berimpak tinggi bagi tempoh 2022 hingga 2025," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pada tahun 2022, JKDM merekodkan kutipan hasil sebanyak RM52.93 bilion sebelum meningkat kepada RM55.17 bilion pada tahun 2023.

"Pertambahan sebanyak RM2.24 bilion atau 4.23 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menurutnya, momentum pertumbuhan kutipan hasil itu diperkukuh pada tahun 2024 apabila kutipan melonjak ketara kepada RM65.57 bilion.

"Pertambahan sebanyak RM10.40 bilion bersamaan 18.85 peratus berbanding tahun 2023.

Beliau berkata, trend peningkatan berimpak tinggi itu diteruskan pada tahun 2025 apabila kutipan hasil mencatatkan paras tertinggi.

"Peningkatan dua tahun berturut-turut melebihi RM10 bilion bagi tempoh 2024 dan 2025, menzahirkan keberkesanan pendekatan strategik JKDM dalam memperkukuh pematuan cukai, penguatkuasaan dan pemudahcaraan perdagangan secara menyeluruh," katanya.

7,097 kes seludup berjaya dipatahkan

Putrajaya: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mematahkan sebanyak 7,097 kes cubaan penyeludupan dan penyelewengan duti serta cukai kastam dengan nilai rampasan keseluruhan mencecah RM1.88 bilion sepanjang 2025.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, tindakan penguatkuasaan itu melibatkan sitaan pelbagai jenis barangan, termasuk barangan bercukai, sekali gus mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 15.33 peratus atau RM250.71 juta berbanding nilai rampasan RM1.63 bilion pada tahun 2024.

"Pada tahun 2025, JKDM telah berjaya mematahkan sebanyak 7,097 kes cubaan penyeludupan dan penyelewengan duti serta cukai kastam.

"Tindakan penguatkuasaan ini melibatkan sitaan pelbagai jenis barangan, termasuk barangan bercukai dengan nilai keseluruhan mencecah RM1.88 bilion.

"Pencapaian ini merekodkan peningkatan ketara sebanyak 15.33 peratus bersamaan RM250.71 juta, berbanding RM1.63 bilion pada tahun 2024," kepada pemberita pada sidang media di Ibu Pejabat JKDM di sini, semalam.

Menurutnya, prestasi itu mencerminkan keupayaan dan ketegasan JKDM dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang secara berterusan bagi melindungi hasil negara serta mengekang aktiviti penyeludupan dan penyelewengan yang menjejaskan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata, berdasarkan nilai rampasan, lima komoditi utama direkodkan bagi tahun 2025 iaitu dadah, kenderaan, rokok, minuman keras serta mercun dan bunga api.

"Bagi komoditi dadah sebanyak 734 kes direkodkan melibatkan rampasan seberat 7,738.39 kilogram (kg) dengan nilai rampasan RM490.75 juta," katanya.